

PBS: BN perlu persetujuan penuh

UM 17 NOV 2001

PEDALING JAYA 16 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, persetujuan penuh parti komponen Barisan Nasional (BN) khususnya dari Sabah, perlu dicapai terlebih dahulu sebelum Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima semula menganggotai BN.

Menurut Perdana Menteri, persetujuan itu diperlukan meskipun beliau berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Presiden PBS, Datuk Seri Pairin Kitingan tentang kekesalannya membawa parti itu keluar dari BN pada pilihan raya 1990.

“Saya puas hati tentang permohonan maaf dan kekesalan Pairin tetapi saya kena tanya anggota komponen lain sama ada mereka setuju atau tidak. Saya kena terangkan kepada mereka (komponen BN) macam parti di Sabah, mungkin mereka khuatir, kita demokratik, kita kena tanya,” katanya.

Pada prinsipnya, jelas Pengerusi BN itu, persetujuan 100 peratus diperlukan dari kalangan anggota komponen parti sebelum dapat menerima kemasukan anggota luar.

Dr. Mahathir bercakap kepada pemberita selepas melancarkan majlis penyerahan kunci dan hak milik 147 unit rumah banglo dan rumah teres dua tingkat di penempatan semula masyarakat Orang Asli di Bukit Lanjan di sini, petang ini.

Dr. Mahathir berkata, adalah tidak salah BN menerima kembali PBS kerana mereka sudah meminta maaf dan mengaku kekesalan terhadap apa yang telah berlaku pada 1990.

Ditanya jaminan yang diberikan oleh Pairin, Dr. Mahathir berkata: “Pairin kata kalau saya belot anda boleh tembak saya.”

“Adakah jaminan ini yang awak mahukan,” tanya Dr. Mahathir kepada pemberita sambil menambah sebenarnya jaminan tidak wujud dalam politik.

“Hari ini mungkin musuh kita, esok mungkin jadi kawan karib kita, atau mungkin masuk penjara, siapa tahu?” tambah beliau.